

R GB 01-02 00167 BB654

AAB

Mahathir - Teluk

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari iniberkata rakyat Malaysia, khususnya yang beragama Islam, tidak seharusnya menyebelahi mana-mana pihak sama ada Iraq ataupun Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat dalam Perang Teluk.

Perdana Menteri berkata orang Islam tidak sepatutnya menyebelahi satu pihak sahaja dalam satu pertikaian sesama Islam. (Tentera Bersekutu meliputi angkatan tentera beberapa negara Islam termasuk Arab Saudi dan Kuwait).

+Kalau orang Islam berkelahi sesama orang Islam yang lain, janganlah kita menyebelahi satu pihak sahaja,+ katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas beliau melawat Taman Burung, Tasik Perdana, di sini, hari ini.

Ketika mengulas langkah PAS untuk menghantar tenaga sukarelawan bagi membantu Iraq, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan +bahawa bukan menjadi hak kita untuk menentukan siapa betul dan siapa yang tidak dalam pertikaian itu.+

PAS menganggap bahawa menentang Amerika Syarikat dan Tentera Bersekutu dalam Perang Teluk merupakan +jihad+ yang dituntut oleh Islam. -- Lagi

01/02/14-53MST

R GB 01-02 00152 BB655

AAB

Mahathir - Teluk 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Saya tidak boleh terima jihad apabila sesebuah negara Islam menyerang sebuah negara Islam yang lain. Ini bukan jihad.

+Dan kalau kita hendak pergi berjihad dalam perkara ini, ia cuma akan menyebabkan lebih ramai orang Islam mati.

+Tetapi kalau mereka rela untuk pergi kerana mereka percaya dengan menyebelahi satu pihak mereka akan dapat selesai masalah itu, ia adalah pendapat mereka,+ tambah Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengulangi bahawa jalan penyelesaian yang paling baik ialah melalui rundingan.

Sehubungan itu, Malaysia akan terus merayu, mendesak dan meminta supaya proses rundingan digunakan bagi menyelesaikan krisis Teluk, kata beliau.

Beliau juga menegaskan bahawa keputusan kerajaan mahukan supaya Resolusi 678, yang membenarkan penggunaan kuasa tentera untuk mengeluarkan Iraq dari Kuwait, dikaji semula tidak mencerminkan apa-apa perubahan dalam pendirian kerajaan. -- Lagi

01/02/14-53MST

CNS4902

R GB 01-02 00060 BB656

AAB

Mahathir - Teluk 3 Kuala Lumpur

Resolusi berkenaan tidak memberi izin supaya Iraq dimusnahkan, katanya, sambil menambah kata, tetapi ia menetapkan supaya Iraq mesti keluar dari Kuwait.

Perdana Menteri juga berkata bahawa Malaysia akan menyertai dan memberi sokongan kepada persidangan-persidangan antarabangsa bagi menyelesaikan krisis itu secara rundingan. -- Bernama

01/02/14-53MST